



PERUTUSAN

**YBHG DATO' SRI AZIZAN BIN AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2018

5 JUN 2018

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia (*World Environment Day*) Tahun 2018 kepada segenap lapisan rakyat Malaysia.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan tarikh 5 Jun setiap tahun sebagai Hari Alam Sekitar Sedunia. Sejak tahun 1972, negara-negara di seluruh dunia mula mengadakan pelbagai program dan aktiviti bagi meraikan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Sambutan diadakan di pelbagai peringkat bertujuan untuk menerap dan meningkatkan penghargaan serta kecintaan masyarakat terhadap alam sekitar. Keindahan alam sekitar yang dinikmati akan pudar sekiranya tidak dijaga dan dipelihara dengan sebaiknya.

Tema sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini ialah ***Beat Plastic Pollution – If you can't reuse it, refuse it.*** *United Nations Environmental Programme* (UNEP) melaporkan bahawa plastik merupakan pencemar utama di lautan. Sebanyak 13 juta tan plastik dihanyutkan ke lautan setiap tahun, 500 billion beg plastik digunakan setiap tahun di seluruh dunia, 480 billion botol plastik dijual di seluruh

dunia pada tahun 2016 dan 50% bahan plastik yang digunakan seharian merupakan bahan pakai buang yang tidak dapat dikitar semula.

Pencemaran plastik di lautan juga dikaitkan dengan kematian haiwan seperti ikan paus, ikan lumba-lumba, penyu dan burung laut akibat termakan plastik-plastik ini. Selain itu, ikan-ikan lain yang merupakan sumber protein kepada manusia juga tidak terlepas dari ancaman ini. Terdapat keadaan di mana mikro plastik melekat kepada *phytoplankton* yang merupakan makanan ikan-ikan ini. Ikan-ikan yang memakan *phytoplankton* ini akan menyerap bahan kimia yang terkandung dalam mikro plastik tersebut ke dalam tisu badan. Keadaan ini boleh memberi implikasi besar kepada kesihatan manusia yang memakan ikan yang tercemar dengan plastik kecil ini.

Penjelasan sains terhadap isu kritikal ini amat penting untuk difahami masyarakat awam. Jika sebelum ini pencemaran plastik di lautan hanya memberi impak kepada kehidupan laut dan pesisir pantai, kini bahayanya semakin besar dengan kesan langsung kepada manusia sendiri. Kini sudah sampai masanya kita semua memikirkan cara yang lebih wajar dan peranan yang boleh kita lakukan bagi mengurangkan kesan pencemaran plastik ke atas alam sekitar.

Pengurangan penggunaan bahan plastik terutamanya beg plastik adalah salah satu cara yang paling berkesan untuk mengurangkan pencemaran plastik tetapi sukar untuk dilaksanakan. Beberapa negeri di Malaysia telah mula melaksanakan polisi bebas plastik dengan mengenakan caj tertentu bagi setiap penggunaan beg plastik. Ada yang menyokong usaha tersebut dan ada juga yang mempersoalkan kewajaran pengenaan caj berkenaan. Sikap dan budaya masyarakat Malaysia yang lebih suka menggunakan beg plastik dalam setiap urusan semasa di pasar, pusat membeli belah

dan sebagainya menyumbang kepada peningkatan penggunaan beg plastik. Budaya membawa beg sendiri untuk membeli-belah masih asing dalam masyarakat Malaysia. Begitu juga dengan budaya kitar semula. Kadar kitar semula rakyat Malaysia hanyalah 17.5% pada tahun 2016.

Justeru itu disyorkan agar amalan mengurangkan penggunaan beg plastik hendaklah bermula dari diri individu itu sendiri. Perlu ada kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam usaha mengurangkan pencemaran alam sekitar. Kadang kala kita terlupa bahawa tindakan yang kita lakukan, walau pun hanya berkaitan dengan penggunaan beg plastik boleh mengundang kepada kemerosotan kualiti alam sekitar dan seterusnya menjejaskan keindahan dan kebersihan alam sekitar. Perkongsian tanggungjawab ke atas alam sekitar oleh setiap lapisan masyarakat adalah penting kerana kitalah yang memegang amanah untuk menjaga alam sekitar ini. Setiap apa yang kita lakukan mempunyai kesan kepada alam sekitar sama ada yang baik mahupun sebaliknya.

Terdapat alternatif kepada penggunaan beg plastik iaitu beg kertas atau beg kitar semula yang telah banyak digunakan di negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Australia. Kedai atau kompleks beli-belah di negara berkenaan menggunakan beg kertas secara meluas untuk pelanggan mereka. Jika ada pun beg plastik yang digunakan, ia adalah beg plastik yang boleh dikitar semula. Budaya seperti ini seharusnya dijadikan contoh oleh masyarakat di negara ini.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah dan akan terus menjalankan kempen-kempen kesedaran agar masyarakat memahami mengapa dan kenapa kita perlu menghentikan penggunaan beg plastik.

Dalam hal ini, NRE ingin merakamkan penghargaan kepada rakan strategik kementerian, pihak swasta, media, akademik dan *Non-Governmental Organisations* (NGO) yang telah sama-sama berganding bahu membantu menjalankan pelbagai kempen kesedaran berkaitan bahaya penggunaan plastik dan menggalakkan penggunaan beg kitar semula secara meluas di kalangan masyarakat.

Pihak industri juga diharapkan dapat melihat semula keperluan penggunaan plastik dalam setiap produk yang dihasilkan. Mengambil contoh negara jiran iaitu Thailand yang merancang untuk menguatkuasakan peraturan untuk tidak membenarkan industri air minuman meletakkan plastik di atas penutup botol minuman tersebut. Pendekatan yang kecil ini memberi impak yang besar kepada alam sekitar di mana sebanyak 520 tan sisa plastik dapat dikurang setiap tahun. Dalam masa yang sama, kos pengeluaran pihak industri juga dapat dikurangkan.

Kejayaan dalam memelihara dan memulihara alam sekitar memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Adalah menjadi harapan NRE agar semua lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membentuk sinergi untuk melindungi alam sekitar dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan pembangunan lestari. Sempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018, marilah kita semua menyemarakkan lagi kecintaan kepada alam sekitar dan menyemai semangat untuk bersama-sama bertanggungjawab memelihara alam sekitar demi kesejahteraan semua.

Terima kasih.

Embargo sehingga 5 Jun 2018